

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK LIANG TECK MENG
KAWASAN : SIMPANG RENGAM
TARIKH : 25 MEI 2016, RABU

SOALAN:

YB. DATUK LIANG TECK MENG minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini penstrukturan kewangan konsesi-konsesi lebuhraya bertol di Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penstrukturan semula kadar tol dibuat bagi memastikan kadar tol yang lebih rendah dapat dinikmati oleh pengguna lebuhraya berbanding kadar tol mengikut perjanjian asal. Penstrukturan kadar tol ini dibuat secara 'case by case basis', iaitu mengambil kira keputusan Kerajaan untuk tidak membenarkan atau mengurangkan kenaikan kadar tol berbanding kadar tol sebenar dalam perjanjian konsesi.

Bagi 8 lebuhraya yang berhak menerima kenaikan kadar tol pada tahun ini (2016), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rundingan masih sedang dijalankan dengan syarikat-syarikat konsesi yang terlibat itu. Namun begitu peruntukan pampasan tol sebanyak RM593 juta telah disediakan kepada syarikat-syarikat konsesi yang terlibat jika Kerajaan memutuskan untuk tidak membenarkan sebarang kenaikan kadar tol pada tahun ini.

Sekian. Terima kasih.